



MAJLIS DAERAH LENGGONG

IKLAN JAWATAN KOSONG **2026**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah
DIJEMPUT UNTUK MEMOHON jawatan berikut:



**1. JAWATAN
PENOLONG JURUTERA
GRED JA5**

KEKOSONGAN
1



**2. JAWATAN
PEMBANTU KHIDMAT AM
GRED H1**

KEKOSONGAN
2

KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA

CALON YANG MEMPUNYAI KELAYAKAN BERIKUT:

- A** Warganegara Malaysia
- B** Keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
- C** Berumur tidak kurang daripada 18 tahun

CARA MEMOHON



Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi dalam talian (*online*) sahaja dengan melayari laman web

<https://digital.perak.my>



TARIKH IKLAN
01 SEPTEMBER 2026



TARIKH TUTUP
PERMOHONAN
15 SEPTEMBER 2026

SYARAT-SYARAT PENUH KELAYAKAN BOLEH MERUJUK PADA LAMPIRAN PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG.



MAJLIS DAERAH LENGGONG PERAK DARUL RIDZUAN

PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkeelayakan bagi mengisi jawatan berikut:

BIL.	JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN
1.	Penolong Jurutera	JA5	1
2.	Pembantu Khidmat Am	H1	2

CARA MEMOHON:

1. Pemohon hendaklah menggunakan aplikasi dalam talian (*online*) sahaja dengan melayari laman web <https://digital.perak.my> mulai **01 September 2026 (Selasa)**.
2. Pemohon **TIDAK PERLU** mengemukakan sebarang salinan dokumen selepas mengisi secara **DALAM TALIAN (ONLINE)**. Pihak Majlis hanya akan menghubungi calon-calon yang layak untuk di temuduga sahaja. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa (12) bulan selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
3. Permohonan daripada kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan Pengesahan Ketua Perkhidmatan, Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan, dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terakhir. Dokumen-dokumen ini perlu dibawa semasa Sesi Temuduga.
4. Calon-calon yang layak dipanggil temuduga dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan dokumen yang telah disahkan seperti **Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil-**

sijil Persekolahan/Akademik yang telah disahkan dan lain-lain dokumen yang perlu dikemukakan.

5. Segala perbelanjaan dan tuntutan bersabit dengan permohonan ini tidak akan ditanggung oleh Majlis Daerah Lenggong.

TARIKH IKLAN : 01 SEPTEMBER 2026 (SELASA)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 15 SEPTEMBER 2026 (SELASA)

YANG DIPERTUA

MAJLIS DAERAH LENGGONG



MAJLIS DAERAH LENGGONG PERAK DARUL RIDZUAN

PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut:

JAWATAN	:	PENOLONG JURUTERA GRED JA5
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEJURUTERAAN
JADUAL GAJI	:	(MINIMUM – MAKSIMUM) RM 1,650.00 – RM 6,620.00
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK/TETAP

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (i) Sijil Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5:
RM1,731.00);**

atau

- (ii) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5:
RM2,055.00).**

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT TAMBAHAN

Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai kemahiran seperti berikut:

- (i) Mempunyai pengetahuan dan Kemahiran dalam penggunaan:
- *Auto-cad/ Revit Architecture, ArchiCAD, SketchUp dan DraftSight/ BricsCAD;*
 - *Microsoft Office (Word, Excel dan PowerPoint)*
- (ii) Kefahaman asas terhadap Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133);
- (iii) Keupayaan kerja luar tapak contohnya, mampu melakukan lawatan tapak, ukur dan lain-lain;

- (iv) Perisian-perisian lain yang berkaitan dengan tugas yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan; dan
- (v) Memiliki lesen memandu kelas B/B1/B2/D/DA yang sah.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH LENGGONG**



MAJLIS DAERAH LENGGONG PERAK DARUL RIDZUAN

PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkeelayakan bagi mengisi jawatan berikut:

JAWATAN	:	PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1 (Kekosongan Jawatan: 2)
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEMAHIRAN
JADUAL GAJI	:	(MINIMUM – MAKSIMUM) RM 1,500.00 – RM 4,680.00
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK/TETAP

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1:
RM1,500.00);
atau**

- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1:
RM1,500.00);**

atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1:
RM1,561.00);**

atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1:
RM1,622.00);**

Dan

- (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-man gabungan tugas seperti di perenggan 1 (d) (i)).

**Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan/
Pengendalian Kren/ Pengendalian Dandang/ Tugas
Menyelamat)**

- (d) (i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan.

**2. SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, dumper, roller dan traktor pertanian.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH LENGGONG**